

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA (Dalam Negeri)

TARIKH : 13 OKTOBER 2017

M/S : 29

Azmin dakwa roboh rumah tidak zalim

SHAH ALAM 12 Okt. - Meskipun dikecam pelbagai pihak berhubung isu merobohkan dua buah rumah bekas pegawai masjid tanpa memberi pampasan sewajarnya, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali tetap mempertahankan tindakan itu sebagai tidak zalim.

Alasannya, jelas Mohamed Azmin, bantuan segera telah diberikan kepada mangsa sebaik sahaja perobohan itu dilakukan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) serta Pejabat Tanah Daerah Petaling.

Dakwanya, tanggapan zalim yang dilemparkan mangsa dan pihak bersimpati dengannya juga tidak wajar kerana kerajaan PKR Selangor telah menawarkan kedi-aman Projek Perumahan Rakyat

(PPR) dengan sewa percuma selama enam bulan.

“Perkara itu sudah tidak menjadi isu kerana kerajaan negeri dengan pantas telah memberi tawaran kepada keluarga yang berkenaan.

“Kerajaan negeri juga bersedia untuk berunding sekiranya diperlukan lanjutan dan apa yang perlu dilakukan telah dilakukan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis

Apresiasi Inovasi Peringkat Selangor 2017 di sini hari ini.

Perobohan dua buah rumah dan kedai pegawai masjid tersebut mengundang kecaman pelbagai pihak sehingga ada menyifatkan Mohamed Azmin sebagai kejam kerana kes pemilikan tanah itu masih dalam perbicaraan mahkamah.



MOHAMED AZMIN